

19 AUG 1997

Mahathir-Pasport

PASPORT MASIH DIPERLUKAN UNTUK LAWAT SARAWAK/SABAH

KUCHING, 19 Ogos (Bernama) -- Keperluan menggunakan pasport bagi rakyat Semenanjung untuk melawat Sarawak dan Sabah akan diteruskan untuk beberapa lama lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya keperluan itu agak janggal di dalam negara sendiri tetapi rakyat harus menerimanya buat beberapa lama lagi sehingga penduduk Sarawak lebih yakin.

"Sebenarnya kebanyakan mereka telahpun berasa yakin tetapi masih ada yang akan mempolitikkan perkara ini," katanya pada sidang berita di Lapangan terbang Antarabangsa Kuching sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan dua hari ke Sarawak.

Beliau berharap akan tiba masanya keperluan pasport itu dihapuskan dan pergerakan antara Sarawak/Sabah dan Semenanjung dipermudahkan.

Keperluan imigresen yang turut termasuk perlunya penduduk Semenanjung memohon permit kerja semasa bekerja di Sarawak dan Sabah termaktub dalam perjanjian 20 perkara yang digubal sebagai satu syarat bagi kedua-dua negeri berkenaan menyertai persekutuan Malaysia.

Para peguam Semenanjung yang mahu mengendalikan kes di mahkamah-mahkamah Sarawak dan Sabah perlu memohon kebenaran sementara daripada majlis peguam negeri.

Perkara itu menjadi isu kebelakangan ini apabila peguam Karpal Singh mahukan kerajaan mengkaji semula keperluan itu dan menyifatkan syarat yang memerlukan penduduk Semenanjung menggunakan pasport untuk mengunjungi Sarawak dan Sabah sebagai tidak munasabah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Nazri Aziz turut mengeluarkan kenyataan bahawa para peguam dari Semenanjung sepatutnya dibenarkan bebas berkhidmat di Sarawak dan Sabah.

Kenyataan itu mendapat bantahan keras daripada Persatuan Peguamcara Sarawak dan Persatuan Peguam Sabah serta para pemimpin politik kedua-dua negeri.

Mengenai lawatannya, Dr Mahathir berkata beliau berpuashati dengan pembangunan pesat di negeri ini.

"Nampak jelas bahawa umumnya Sarawak pesat membangun dengan banyak bangunan, kenderaan yang digunakan orang ramai untuk bergerak. Adalah jelas ekonomi negeri ini baik sekali," katanya.

Perdana Menteri berkata pembangunan lain seperti pelabuhan akan menyumbangkan kepada peningkatan pencapaian ekonomi Sarawak.

Katanya sebuah lapangan terbang baru akan dibina di Kuching di kawasan 2,020 ekar (808 hektar) di Km 30 jalan Kuching/Matang yang diperuntukkan kerajaan negeri bagi membina sebuah pusat pentadbiran yang mencontohi model pembanguann Putrajaya dekat Kuala Lumpur.

Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud membuat pengumuman mengenai pemberian tanah itu pada perasmian gerbang menandakan sambutan ulang tahun ke-40 Hari Kebangsaan Malaysia di Matang, 30 km dari sini pagi ini.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menghurai lanjut mengenai cadangan projek lapangan terbang itu tetapi mengatakan "orang akan mengatakan kita membazir lagi. Tetapi saya beri jaminan bahawa kita tidak melakukan perkara yang bodoh dalam negara ini. Perkara karut yang kita lakukan biasanya ternyata wajar."

Abdul Taib semasa ditemui pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir berkata kerajaan negeri telah memperuntukkan tanah itu

bagi pembesaran bandaraya Kuching.

Beliau menjelaskan bahawa terpulang kepada kerajaan persekutuan untuk menggunakan tanah itu dan kerajaan negeri hanya menyediakan kawasan untuknya.

"Tapi soal nak membuat lapangan terbang belum dibincang dengan mendalam lagi. Hanya bila kita mengambil keputusan nak bina lapangan terbang baru, barulah digunakan tanah itu," katanya. --BERNAMA

OPP/MT RON